



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 15 MEI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	SALAHUDDIN: FAMA TO ENSURE POSITIVE SALES VOLUME FOR HARUM MANIS, NATION, SIN CHEW DAILY -8 BERBUKA, MOREH DAN SAHUR DENGAN HARUMANIS, NEWS, ASTRO AWANI -7 HARUMANIS TO BE SERVED AT MOA'S BREAKING FAST, SAHUR, NEWS, BERNAMA -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
4. 5. 6.	TINGKAT TARAF HIDUP PELADANG, NASIONAL, SH -13 BERI MANFAAT 900,000 PELADANG, DALAM NEGERI, UM -44 PINDAAN MANTAPKAN TADBIR URUS PP, DASAR & PENTADBIRAN, BH -8	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
7.	SOLAT HAJAT TEPI SAWAH, NEWS, HM (TIMUR) -25	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
{UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA}

Headline	Salahuddin : FAMA to ensure positive sales volume for harum manis		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	15 May 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	8	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	162 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,909
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,727



沙拉胡丁（中）仔细观察最近开始热销的香甜芒，这盛产自玻璃市的独特芒果因大受好评，开始出现供应不足情况。右为农业部秘书长莫哈末沙列胡丁。

農長：聯銷局設特委會 確保香甜芒有銷量

（布城14日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁透露，他3月访问玻璃市时已指示联邦农业销售局（FAMA）成立一个特别委员会，确保香甜芒（Harum Manis）于今年有销量保证。

他说，FAMA已经以每公斤21令吉从果园收购A级的香甜芒，其中也根据体积分类为1级及2级，这个价格让很多业者都感到满意。

他指出，一些相应的下游行业已经兴起，如香甜芒的浓缩果汁饮料，而农业部

会负责确保独特的香甜芒，会让果农获得合理价格。

探讨出口到日本

沙拉胡丁今日在农业部出席以香甜芒为主题的斋戒月开斋晚宴时向媒体指出，目前香甜芒的需求很好，要开拓出口到日本的市场不是大问题，如今只是供应不太足够。

他已经指示农业部在内阁会议时提供香甜芒进行开斋，而香甜芒与糯米饭很搭配。

Headline	Berbuka, moreh dan sahur dengan harumanis		
MediaTitle	Astro Awani (www.astroawani.com)		
Date	15 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	7	Readership	4
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

Berbuka, moreh dan sahur dengan harumanis

PUTRAJAYA : Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menggalakkan pengambilan mangga harumanis sebagai menu ketika berbuka dan bersahur serta menjadikan buah harumanis sebagai 'hamper'bersempena sambutan Aidilfitri yang bakal tiba.
Menterinya, Datuk ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Harumanis to be served at MOA's breaking fast, sahur		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	15 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

Harumanis to be served at MOA's breaking fast, sahur

PUTRAJAYA, May 14 (Bernama) -- Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub has directed all agencies under his ministry to serve Harumanis mango as a compulsory dish of 'iftar' (breaking of fast), and 'moreh' or 'sahur' (pre-dawn me...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Tingkat taraf hidup peladang

Pewartaan selari dengan agenda kerajaan utamakan undang-undang

KUALA LUMPUR

Pewartaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dilihat mampu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup 900,000 golongan peladang di Malaysia.

Ketua Pengarah LPP, Azulita Salim berkata, pewartaan itu adalah

selari dengan agenda kerajaan semasa yang mengutamakan ke-daulatan undang-undang dalam mentadbir urus setiap organisasi. "Pindaan ini dibuat secara teratur berdasarkan punca kuasa yang diperuntukkan di bawah

Seksyen 35 Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109) dan telah dikuatkuasakan dengan sewajarnya.

"Tindakan menyernak dan meminda perundangan sebenarnya berbentuk dinamik dan sentiasa dilaksanakan dari masa ke masa mengikut kesesuaian perundangan terhadap keperluan semasa serta memerhatikan perhatian kerajaan," katanya pada sidang akhbar pewartaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 di sini semalam.

LPP mengumumkan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 telah diwartakan pada 22 April dan berkuatkuasa pada 1 Mei.

Menerusi kenyataan yang dikeluarkan, Azulita berkata, pewartaan tersebut merupakan pindaan kepada undang-undang sedia ada iaitu Peraturan-Per-



Azulita pada sidang media pewartaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 di Kuala Lumpur semalam.

bih dinamik dan berdaya saing.

"Antara perkara yang dipinda adalah komposisi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) di PPN terdiri daripada empat anggota dipilih dalam mesyuarat agung tahunan dan lima dilantik oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub," katanya.

Dalam kenyataan sama, Azulita berkata, sebagai pendaftar kepada semua Pertubuhan Peladang di negara ini, pihaknya mengambil maklum terdapat bantahan daripada ahli peladang berhubung pewartaan berkenaan.

"LPP berkeyakinan agenda reformasi ini akan diterima oleh masyarakat peladang demi memastikan institusi peladang kekal relevan.

"Pejabat Pendaftar dalam proses memberi taklimat dengan ahli Peladang di setiap negeri bagi menjelaskan dengan lebih terperinci pindaan ini," katanya.

turan Pertubuhan Peladang 1983. "Tindakan itu selaras dengan hasrat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) untuk mereformasikan kepimpinan Pertubuhan Peladang (PP) di tiga peringkat iaitu Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) bagi memastikan tadbir urus PP menjadi le-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/5/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	44

Beri manfaat 900,000 peladang

■ KUALA LUMPUR 14 MEI

LEMBAGA Pertubuhan Peladang (LPP) yakin pewartaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 selari dengan agenda kerajaan semasa yang mengutamakan ke-daulatan undang-undang dalam mentadbir urus setiap organisasi.

Ketua Pengarahnya, Azulita Salim berkata, ia bagi memastikan sektor perladangan agar kekal relevan, lebih dinamik dan berdaya saing, meningkatkan pendapatan dan taraf hidup 900,000 golongan peladang di negara ini, selain perubahan kepemimpinan LPP di setiap peringkat.

"Pindaan ini dibuat secara teratur berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 35 Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109) dan telah dikuatkuasakan dengan sewajarnya.

"Tindakan menyemak dan meminda perundangan sememangnya berbeza dinamik dan sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut keperluan perundangan terhadap perituan semasa dan memerlukan perhatian kerajaan," katanya.

Beliau berkata, kepada pemberita pada sidang media berkenaan pewartaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019, di Menara LPP, di sini hari ini.

Pindaan tersebut meliputi tiga peringkat iaitu Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

Antara perkara yang dipinda adalah komposisi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) di PPN terdiri daripada empat anggota dipilih dalam mesyuarat agung tahunan dan lima dilantik oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Warta berkenaan telah dibuat pada 19 April lepas oleh Pengerusi LPP, Mazlan Aliman dan diluluskan pada tarikh yang sama oleh Salahuddin serta dikuatkuasakan pada 1 Mei lalu.

Sebelum ini, beberapa PPN seperti PPN Kedah dan PPN Kelantan menyuarakan bantahan dan menggesa kerajaan membatalkan pindaan warta itu kerana berpandangan ia membelakangkan prinsip demokrasi kerana diluluskan tanpa melalui proses perbincangan dengan semua pihak terlibat. - BERNAMA



AZULITA SALIM memegang salinan dokumen Pewartaan Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

15/5/2019

BERITA
HARIAN

DASAR & PENTADBIRAN

8

PEWARTAAN PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG

Pindaan mantapkan tadbir urus PP

Kuala Lumpur: Pewartaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 pada 22 April lalu dan berkuatkuasa 1 Mei lalu bagi memastikan Pertubuhan Peladang (PP) menjadi lebih dinamik dan berdaya saing. Ia selaras hasrat Kementerian Pertanian dan Industri Asas (MOA) untuk mereformasikan kepimpinan PP meliputi tiga peringkat iaitu Pertubuhan Peladang Kawas (PPK), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Azulita Salim, berkata pindaan dibuat secara teliti dan penambahbaikan kepada pentadbiran PP sebelum ini.

Katanya, agenda reformasi diketengahkan adalah anjakan yang akan membawa pergerakan PP ke arah dimensi baharu, terutama dalam mentransformasi institusi peladang supaya lebih maju dan berdaya saing, di samping meningkatkan pendapatan dan taraf hidup 920,000 ahli peladang.

Beliau berkata, LPP sebagai Pendaftaran semua PP di negara ini mengambil maklum barisan dari pada ahli peladang berhubung pewartaan berkenaan dan berkeyakinan tinggi agenda reformasi akan diterima masyarakat pela-



Azulita Salim (kanan) pada sidang media Pewartaan Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 di Kuala Lumpur, semalam.

datang, demi memastikan institusi Peladang kekal relevan.

"Pejabat Pendaftaran telah dan sedang dalam proses memberi taklimat dan proses libat urus dengan ahli Peladang di PP setiap negeri bagi menjelaskan secara terperinci pindaan berkenaan supaya mereka dapat memahaminya secara meny-



Agenda reformasi diketengahkan adalah anjakan yang akan membawa pergerakan PP ke arah dimensi baharu terutama dalam mentransformasi institusi peladang supaya lebih maju dan berdaya saing"

Azulita Salim,
Ketua Pengarah Lembaga
Pertubuhan Peladang

wajarnya, termasuk tujuan asal pindaan dilaksanakan.

Beliau berkata, pindaan dibuat secara teratur berdasarkan punca kuasa yang diperuntukkan untuk Seksyen 35 Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 106) dan diwarnta serta dikuatkuasakan sewajarnya.

Katanya, tindakan menyemak dan meminda perundangan berbentuk dinamik sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian perundangan terhadap keperluan semasa.

Sementara itu, Azulita berkata, pindaan berkenaan meliputi komposisi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) di PPK iaitu tujuh ahli dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) PPK, lima dilantik menteri, manakala pengerusi dipilih melalui undian majoriti.

Komposisi jemaah pengarah katanya, komposisi AJP di PPN mencakupi empat dipilih dalam MAT dan lima dilantik menteri, manakala pengerusi hendaklah dinamakan dalam kalangan AJP dan diluluskan menteri.

Beliau berkata, komposisi AJP NAFAS meliputi lima ahli yang dipilih dalam MAT dan enam dilantik menteri, manakala pengerusi hendaklah dinamakan dalam kalangan AJP dan diluluskan menteri.

"Tempoh sepejabat jawatan terdahulu adalah tiga tahun dan kini dipendekkan kepada dua tahun dengan tempoh maksimum penegegan jawatan tidak melebihi dua penggal atau empat tahun. Korum bagi mesyuarat AJP adalah tujuh bagi semua peringkat PP," katanya.

Headline	Solat hajat tepi sawah		
MediaTitle	Harian Metro (Timur)		
Date	15 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	7,330
Page No	25	Readership	21,990
Language	Malay	ArticleSize	358 cm ²
Journalist	Nor Amalina Alias	AdValue	RM 10,550
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,649



Solat **hajat** tepi sawah

SEBAHAGIAN petani menunaikan solat hajat di tepi sawah Kampung Kolam Tembesu, Pasir Puteh.

Ikhtiar terakhir petani selepas syarikat tamatkan pembelian

Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my

Pasir Puteh

“Ini ikhtiar terakhir selepas segala ke-luhan kami tidak diendahkan pihak berkenaan,” kata Pengerusi Pertubuhan Pengusaha Beras Wangi Kelantan Zailan Awang, 56, selepas menunaikan solat sunat hajat bersama lebih 10 petani lain di sawah padi di Kampung Kolam Tembesu di sini, semalam.

Zailan berkata, solat hajat itu sebagai simbolik kekecewaan 200 petani padi beras wangi atau padi MRQ76 berdepan masalah penjualan padi selepas syarikat kontraktor menamatkan pembelian.

Katanya, syarikat mendakwa terpaksa berbuat demikian berikutan kilang di Jeram Pasu gagal memenuhi syarat untuk beroperasi Majlis Daerah Pasir Puteh dan agensi berkaitan.

“Apa yang mengecewakan baru dua kali kami tanam padi jenis ini, ketika jual anak benih kami tak dimaklumkan mengenai masalah ini.

“Bila sudah ditanam, kami terima notis pemberhentian pembelian padi sedangkan dalam tempoh 115 hari, padi perlu dituai dan dijual.

“Sekarang ini sudah semakin dekat dengan Aidilfitri, ini satu penganiayaan buat kami semua,” katanya ketika ditemui, semalam.

Menurutnya, mereka berharap Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) tidak lagi menggunakan khidmat syarikat berkenaan yang turut gagal melunaskan bayaran subsidi kepada 15 petani beras wangi yang menanam

padi itu pada musim pertama membabitkan nilai lebih RM53,000.

Dakwanya, syarikat itu berdepan pelbagai isu seperti tidak mempunyai sijil menduduki bangunan (CF), tidak menempatkan kerani subsidi dan tidak menunaikan janji untuk menjaga hak petani beras wangi.

“Kami bernasib baik kerana hasil kerjasama bersama petani lain, ada syarikat daripada luar Kelantan sudi membeli padi ini namun kami berdepan kerugian RM100 satu tan metrik,” katanya.